



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



5 UNIVERSITI MALAYSIA

DI KELOMPOK

160 TERBAIK DUNIA



56



UNIVERSITI MALAYA

UNIVERSITI MALAYA

128



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

130



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

138



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

158



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Ranked

#128

Rank globally
(Improved 6 Positions)

#2

Rank in Malaysia
(Improved 1 Position)



Sumber: QS World University Rankings 2027
18 JUN 2026



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



Tahniah

Universiti Sains Malaysia

THE Sustainability Impact Ratings 2026

#5 DI DUNIA

Naik 9 Anak Tangga Berbanding 2025

Dalam kalangan **1,603** Universiti
Seluruh Dunia

#1 DI DUNIA
untuk
SDG 17
Perkongsian
untuk Matlamat



#1 DI MALAYSIA



Pada 16 Jun 2026, Pusat Pengajian Sains Farmasi (PPSF) mengadakan program 'Pharmacy Career Showcase 2026' yang bertujuan memberikan pendedahan kepada pelajar mengenai laluan kerjaya dalam bidang farmasi serta mengukuhkan jaringan antara pelajar, alumni, dan pihak industri. Program sehari ini diadakan di Dewan Kuliah X dan Y, Universiti Sains Malaysia.

Program ini telah dirasmikan oleh Encik Tan Chee Pone, Presiden Persatuan Farmasi Malaysia (Pulau Pinang) dan telah disaksikan lebih dari 400 orang pelajar, staf dan alumni. Antara objektif program ini dijalankan adalah meningkatkan kefahaman pelajar tentang keperluan industri dan kemahiran kebolehpasaran, mengukuhkan jaringan antara pelajar, alumni dan pihak industri, meningkatkan keyakinan pelajar dalam merancang kerjaya masa depan dan menggalakkan perkongsian pengalaman daripada alumni PPSF.

Pada majlis yang sama, satu perjanjian MoU ditandatangani di antara USM bersama Novugen Pharma yang melibatkan Cik Felicia Tan dan Dekan Pusat Pengajian Sains Farmasi, Prof. Madya Dr. Nurzalina Abdul Karim Khan. Diharapkan dengan termaktubnya perjanjian antara kedua-dua ini akan memberi kerjasama lebih erat pada masa depan.

Antara alumni yang turut berkongsi pengalaman adalah Encik Amril Radzman Amrahi, ahli farmasi dari Hospital Kulim yang bergraduat pada tahun 2015. Pelbagai cerita dan pengalaman yang dikongsi kepada pelajar yang mengikuti program ini. Diharapkan program ini dapat memberi input serta melahirkan pelajar Farmasi yang lebih kompeten dan bersedia menghadapi cabaran kerjaya pada masa hadapan dalam pelbagai bidang.

PHARMACY CAREER SHOWCASE 2026



**MALAM CITRA LEGASI
SEMPENA SAMBUTAN
ULANG TAHUN KE-44
PERKUMPULAN
MAHASISWA MAHASISWI
PAHANG DARUL MAKMUR
(PERDAMA) USM ANJURAN
BERSAMA PUSAT
PEMBANGUNAN ALUMNI**



Majlis Malam Citra Legasi Sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-44 Perkumpulan Mahasiswa Mahasiswi Pahang Darul Makmur (PERDAMA) USM anjuran bersama Pusat Pembangunan Alumni (PPA) telah berlangsung dengan jayanya di Dewan Utama Desasiswa, USM.

Majlis telah disempurnakan oleh YB Dato' Nizar Bin Dato' Sri Mohd Najib, Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Pahang merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Peramu Jaya. Turut hadir ialah para mahasiswa dan mahasiswi PERDAMA yang memeriahkan sambutan ulang tahun ke-44 persatuan tersebut.

Dalam majlis berkenaan, YB Dato' Nizar telah menyampaikan ucapan yang penuh inspirasi serta meluangkan masa beramah mesra bersama para mahasiswa dan mahasiswi. Sebagai tanda penghargaan atas kesudian beliau menghadiri majlis, pihak Pusat Pembangunan Alumni telah menyampaikan cenderahati kepada beliau.

Majlis turut diteruskan dengan Penyampaian Anugerah Tokoh Alumni kepada Hj Abdul Syafiq Bin Hj Ramlan dan Anugerah Tokoh Usahawan Alumni PERDAMA kepada Mohd Zul Fahmi Bin Zahari sebagai pengiktirafan atas sumbangan, pencapaian dan komitmen dalam mengharumkan nama universiti serta memberi inspirasi kepada generasi mahasiswa. Penganjuran program seumpama ini diharapkan dapat terus memperkukuh jaringan alumni, memupuk semangat kekitaan dalam kalangan warga PERDAMA serta menyokong aspirasi dan visi Universiti Sains Malaysia.

Alumni PALAPES 1986 USM Teruskan Legasi: Malam Nostalgia 40 Tahun



Seramai 53 alumni Pasukan Latihan Pegawai Simpanan Universiti Sains Malaysia (PALAPES USM) tahun 1986 berkumpul dalam Majlis Nostalgia bertemakan "Empat Dekad Nostalgia Persahabatan" di Dewan Pelinggam Cahaya, Pusat Pengajian Seni USM bagi mengimbuai memori perjuangan serta memperkukuh silaturahim yang terjalin sejak empat dekad lalu.

Majlis tersebut turut menyaksikan penyerahan sumbangan sebanyak RM15,000 daripada alumni PALAPES 1986 kepada universiti bagi membantu kebajikan pelajar yang memerlukan, sekali gus mencerminkan semangat kesukarelawanan dalam kalangan alumni.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni, Profesor Dr. Wan Ahmad Jaafar Wan Yahaya, menzahirkan rasa bangga atas pencapaian cemerlang alumni PALAPES 1986 dalam pelbagai sektor termasuk awam, swasta, profesional, keusahawanan dan ketenteraan. "Keberhasilan anda adalah bukti kualiti graduan USM yang memiliki jati diri yang tinggi," ujarnya.

Sementara itu, Ahli Lembaga Gabenor USM, Encik Mohd Ali Mohd Salleh berkata, kejayaan alumni merupakan kayu ukur kemajuan universiti. "Sumbangan dalam bentuk pementoran, jaringan profesional serta sokongan kewangan seperti yang diberikan hari ini merupakan aset yang amat bernilai bagi pembangunan ekosistem pendidikan di USM," katanya.

Bagi memastikan legasi ini terus mekar, Pusat Pembangunan Alumni (ADC), BHEPA giat melaksanakan pelbagai inisiatif strategik bagi memperkukuh hubungan dengan alumni melalui program pementoran, perkongsian kepakaran serta pengukuhan rangkaian alumni di peringkat nasional dan antarabangsa.

Majlis turut dihadiri oleh Mejar Profesor Madya Ir. Ts. Dr. Mohd Hazizan Mohd Hashim, Timbalan Komandan PALAPES USM; Ir. Ts. Kamarul Badlishah Kamarulzaman, Presiden Persatuan Alumni USM; pegawai-pegawai utama universiti, jurulatih serta mantan jurulatih PALAPES USM.



Penulis: Suraya Shazlin
Penyunting: Ahmad Wafi
Foto: BHEPA